

**TERMS AND CONDITIONS  
RHB INSURANCE ONLINE**

1. RHB Insurance Berhad (Company No. 197801000983 (38000-U)) will be referred to as "RHBI".

**GENERAL**

1. These terms and conditions are meant to regulate your access to this website and they are to be read together with the applicable terms and conditions governing any transaction(s), product(s) and or service(s) provided in this website as well as any other terms, conditions and provisions which we may prescribe from time to time.
2. The information provided on this website is not intended for distribution to, or use by, any person or entity in any jurisdiction or country where such distribution or use would be contrary to law or regulation or which would subject RHBI or its subsidiaries or affiliates to any registration requirement within such jurisdiction or country. Neither the information, nor any opinion contained in this site constitutes a solicitation or offer by RHBI to buy or sell any products, services, securities, futures, options, other financial instruments, provide any investment or financial advice or an invitation to enter into any legally binding contract or arrangement.
3. The products and services described in this website are available only to residents of Malaysia. Your eligibility for any particular products or services is subject to the final determination and acceptance by RHBI.
4. The terms and conditions on use and access and the information that appear on this website are subject to change at the discretion of RHBI from time to time and at any time without notice.

**DISCLAIMERS**

1. The materials and information in this website, including but not limited to services, products, information, data, text, graphics, audio, video, links or other items, are provided by RHBI on an "as is" and "as available" basis. References to material and information contained in the website include such material and information provided by third parties.
2. RHBI does not make any express or implied warranties, representations or endorsements including but not limited to any warranties of title, non-infringement, merchantability, usefulness, operation, accuracy, satisfactory quality, reliability, fitness for a particular purpose in respect of the website, the material, information and/or functions therein and expressly disclaims liability for errors and omissions in such materials, information and/or functions.

Without derogation of the above and/or the terms and conditions of the applicable agreements governing all the products and services of RHBI, reasonable measures will be taken by RHBI to ensure the accuracy and validity of all information relating to transactions and products of RHBI.

3. RHBI does not warrant the security and confidentiality of information transmitted through the internet service provider, network provider or communication network provider or any equivalent system via the Website.
4. Further RHBI does not warrant or represent that access to the whole or part(s) of this website, the materials, information and/or functions contained therein will be provided uninterrupted or free from errors or that there will be no delays, failures, errors or loss of transmitted information, that no viruses or other contaminating or destructive properties will be transmitted or that no damage will occur to your computer system. However, defects identified (if any) will be promptly addressed to ensure materials, information and/or functions contained therein are accurate.
5. The materials, information and functions provided in this website shall not under any circumstances be considered or construed as an offer or solicitation to sell, buy, give, take, issue, allot or transfer, or as the giving of any advice in respect of shares, stocks, bonds, notes, interests, unit trusts, mutual funds or other securities, investments, loans, advances, credits or deposits in any jurisdiction.
6. You shall be solely responsible to evaluate the quality, adequacy, completeness, current ness and usefulness of all services, content, advice, opinions and other information obtained or accessible through the website; further you should seek professional advice at all times and obtain independent verification of the materials and information provided herein prior to making any investment, business or commercial decision based on any such materials or information.
7. You shall take sole responsibility for the proposal and for all particulars entered therein through this website. RHBI shall be entitled, without any enquiry whatsoever on its part as to the identity of the person keying in the particulars into the online proposal, to deem that the person who had keyed in the particulars into the proposal is the proposer and to rely upon the particulars entered therein to issue the policy for the proposer.

## USE OF LINKS

1. Links from or to websites outside this website are meant for convenience only. Such linked websites are owned and operated by third parties and as such are not under the control of RHBI. Therefore RHBI shall not be responsible and makes no warranties in respect of the contents of those websites, the third parties named therein or their products and services.
2. Furthermore, the links provided in this website shall not be considered an endorsement or verification or approval of such linked websites or the contents therein. Linking to any other website is at your sole risk and RHBI will not be responsible or liable for any damages in connection with linking. It is advisable for you to read the privacy policy statements (if any) of any websites which are linked to this website.

## COPYRIGHT

1. Unless otherwise indicated, the copyright in this website and its contents, including but not limited to the text, images, graphics, sound files, animation files, video files, and their arrangement, are the property of RHBI, and are protected by applicable Malaysian and international copyright laws. No part or parts of this website may be modified, copied, distributed, retransmitted, broadcast, displayed, performed, reproduced, published, licensed, transferred, sold or commercially dealt with in any manner without the express prior written consent of RHBI.
2. You also may not, without RHBI's express prior written consent, insert a link to this website on any other website, frame or "mirror" any material contained on this website on any other server.
3. Any such unauthorized reproduction, retransmission or other copying or modification of any of the contents of RHBI's website may be in breach of statutory or common law rights which could be the subject of legal action.
4. RHBI disclaims all liability which may arise from any unauthorized reproduction or use of the contents of this RHBI's website.

## TRADEMARKS

1. All trade marks, service marks, and logos displayed in this website are the property of RHBI and/or their respective third party proprietors as identified in the website.
2. Unless the prior written consent of RHBI or the relevant third party proprietor of any of the trade marks, service marks or logos appearing on the website has been obtained, no license

or right is granted to any party accessing this website to use, download, reproduce, copy or modify such trade marks, services marks or logos. Similarly, unless the prior written consent of RHBI or the relevant proprietor has been obtained, no such trade mark, service mark or logo may be used as a link or to mark any link to the RHBI's website or any other website.

## **INDEMNITY**

1. You understand that you are personally responsible for the use and access to the website and/or the insurance services provided herein. You hereby irrevocably agree to indemnify and keep indemnified RHBI from all liabilities, claims, losses and expenses, including any legal fees that may be incurred by RHBI in connection with or arising from
  - a) Your use or misuse of this website and the services provided herein;
  - b) Your breach of these terms and conditions howsoever occasioned;
  - c) Any intellectual property right or proprietary right infringement claim made by a third party against RHBI in connection with your use of this website, or any illegal, immoral and/or negligent act, error or omission via the Website (including but not limited to computer crimes, fraud, cheating or defamation) and/or your failure to observe the applicable laws and/or regulations applicable. This provisions shall take effect to the widest and fullest extent permitted by law.

## **TERMINATION**

1. RHBI reserves the right to terminate and/or suspend your access to this website and/or your use of this website at any time, for any reason whatsoever. In particular, and without limitation, RHBI may terminate and/or suspend your access should you violate any of these terms and conditions, or violate the rights of RHBI, of any other user, or of any third party.

## **LAW AND JURISDICTION**

1. These terms and conditions are governed by and are to be construed in accordance with the laws of Malaysia. By accessing this website and/or using the services provided herein by RHBI, you hereby consent to the exclusive jurisdiction of the Malaysian courts in Kuala Lumpur, Malaysia in all disputes arising out of or relating to the use of this website.
2. RHBI makes no representation that the materials, information, functions and/or services provided on this website are appropriate or available for use in jurisdictions other than Malaysia.

## **EXCLUSION OF LIABILITY**

1. RHBI and/or its partners herein shall in no event be liable for any loss or damages howsoever arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any other basis, including without limitation, direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages, or loss profits or savings arising in connection with your access or use or the inability to access or use this website (or any third party link to or from RHBI's website), reliance on the information contained in the website, any technical, hardware or software failure of any kind, the interruption, error, omission, delay in operation, computer viruses, or otherwise. This exclusion clause shall take effect to the fullest extent permitted by law.

## **MISCELLANEOUS**

1. The failure of RHB Insurance Berhad to exercise or enforce any right or provision of these terms and conditions shall not constitute a waiver of such right or provision. If any part of these terms and conditions is determined to be invalid or unenforceable pursuant to applicable law, then the invalid and unenforceable provision will be deemed superseded by a valid, enforceable provision that most closely matches the intent of the original provision and the remainder of the other provisions of the terms and conditions shall continue in full force and effect.
2. Any rights not expressly granted herein are reserved.

## **EVIDENCE**

1. RHBI's records of all and any communications by you during or pursuant to the use and access to the Website and/or any services contained herein in any form or medium whatsoever (including electronic information storage media) shall be conclusive evidence thereof. Any and all communications transmitted through the website in accordance herewith shall be construed to be valid, accurate, authentic and shall have the same effect as a written and/or signed document.

## **ANTI-SPAM POLICY**

1. RHBI will not permit spammers to operate on its servers. When using the information and materials provided in this website, you will agree not to send bulk unsolicited e-mail with commercial messages to other users of this website or the public nor interfere, harass,

threaten or abuse other users; nor post or distribute any obscene, hateful, racially offensive information or materials.

#### **IMPORTANT NOTICES ON ONLINE SALES**

1. Once you have submitted your proposal and payment details to RHBI via this online facility, and RHBI accepts your proposal and receives the premium for the policy, you are deemed to have purchased the policy. The online proposal does not require your signature and the lack of signature shall not detract from its validity.
2. The payment instruments accepted by us for online transactions include:
  - a) Online Credit Card (Visa / MasterCard) Payment. The amount of contribution for the insurance certificate will be debited directly into your credit card account upon approval from the issuing and merchant banks.
  - b) Delivery your insurance certificate will be delivered to you via email address you have indicated in your proposal upon payment successfully from the date of our receipt of your contribution.

- End -

**TERMA DAN SYARAT  
DALAM TALIAN RHB INSURANCE**

1. RHB Insurance Berhad (No. Syarikat 197801000983 (38000-U)) akan dirujuk sebagai "RHBI".

**MAKLUMAT AM**

1. Terma dan syarat ini bertujuan untuk mengawal selia akses anda ke laman web ini dan hendaklah dibaca bersama terma dan syarat yang diguna pakai bagi mana-mana transaksi, produk atau perkhidmatan yang disediakan di laman web ini dan juga mana-mana terma, syarat dan peruntukan lain yang kami tetapkan dari masa ke masa.
2. Maklumat yang disediakan di laman web ini bukan untuk diedarkan atau digunakan oleh mana-mana pihak atau entiti di mana-mana bidang kuasa atau negara di mana pengedaran atau penggunaan sedemikian adalah bertentangan dengan undang-undang atau peraturan yang memerlukan RHBI atau anak syarikat atau syarikat sekutunya untuk mendaftar di bawah bidang kuasa atau negara tersebut. Maklumat tersebut, atau pandangan yang terkandung di laman ini tidak membentuk percubaan atau tawaran oleh RHBI untuk membeli atau menjual mana-mana produk, perkhidmatan, sekuriti, niaga hadapan, pilihan atau instrumen kewangan lain, menyediakan sebarang nasihat pelaburan atau kewangan, atau jemputan untuk memeterai sebarang kontrak atau perjanjian.
3. Produk dan perkhidmatan yang dinyatakan di laman web ini hanya disediakan untuk pemastautin Malaysia. Kelayakan anda untuk mana-mana produk atau perkhidmatan tertentu tertakluk kepada penentuan dan penerimaan akhir oleh RHBI.
4. Terma dan syarat mengenai penggunaan dan akses dan maklumat yang muncul di laman web ini tertakluk kepada perubahan atas budi bicara RHBI dari masa ke masa dan pada bila-bila masa tanpa notis.

**PENAFIAN**

1. Bahan dan maklumat di laman web ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan, produk maklumat, data, teks, grafik, audio, video, pautan atau item lain yang disediakan oleh RHBI atas dasar "sedia ada" dan "seperti yang disediakan". Rujukan kepada bahan dan maklumat yang terkandung di laman web ini termasuk bahan dan maklumat yang disediakan kepada pihak ketiga.
2. RHBI tidak membuat jaminan, pernyataan atau pengendorsan yang nyata atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan hak milik, kepatuhan, kebolehiagaan,

kebergunaan, operasi, ketepatan, kualiti memuaskan, kebolehpercayaan, kesesuaian untuk kegunaan tertentu berhubung dengan laman web, bahan, maklumat dan/atau fungsi di dalamnya dan secara nyata menafikan liabiliti bagi kesilapan dan ketinggalan bahan, maklumat dan/atau fungsi sedemikian.

Tanpa menjejaskan kenyataan di atas dan/atau terma dan syarat yang diguna pakai bagi semua produk dan perkhidmatan RHBI, langkah sewajarnya akan diambil oleh RHBI untuk memastikan ketepatan dan kesahihan semua maklumat berkaitan dengan transaksi dan produk RHBI.

3. RHBI tidak menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang dihantar menerusi penyedia perkhidmatan internet, penyedia rangkaian atau penyedia rangkaian komunikasi atau mana-mana sistem yang bersamaan menerusi Laman web ini.
4. Selanjutnya RHBI tidak menjamin atau menyatakan bahawa akses kepada seluruh atau sebahagian daripada laman web ini serta bahan, maklumat dan/atau fungsi yang terkandung di dalamnya akan disediakan secara berterusan atau bebas daripada kesilapan atau tanpa kelengahan, kegagalan, kesilapan atau kehilangan maklumat yang dihantar, dan bahawa tiada virus atau ciri-ciri pencemar dan pemusnah akan dihantar atau tiada kerosakan akan berlaku kepada sistem komputer anda. Bagaimanapun, kepincangan yang dikenal pasti (jika ada) akan diatasi segera untuk memastikan bahan dan maklumat dan/atau fungsi yang terkandung di dalamnya adalah tepat.
5. Bahan, maklumat dan fungsi yang disediakan di laman web ini tidak akan dalam apa jua keadaan dianggap atau ditakrifkan sebagai tawaran atau percubaan untuk menjual, membeli, memberikan, mengambil, menerbitkan, memperuntukkan atau memindahkan, atau untuk memberi nasihat berhubung dengan saham, stok, bon, nota, kepentingan, unit amanah, dana bersama atau sekuriti, pelaburan, pinjaman, pendahuluan, kredit atau deposit lain di mana-mana bidang kuasa.
6. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menilai kualiti, kecukupan, ketepatan masa dan kebergunaan semua perkhidmatan, kandungan, nasihat, pandangan dan maklumat lain yang diperolehi atau boleh diakses menerusi laman web; selanjutnya anda harus sentiasa mendapatkan nasihat profesional dan pengesahan bebas tentang bahan dan maklumat yang disediakan di dalam ini sebelum membuat apa-apa keputusan pelaburan, perniagaan atau komersial berasaskan bahan atau maklumat tersebut.
7. Anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap cadangan dan semua butiran yang dimasukkan di dalam ini menerusi laman web. RHBI berhak, tanpa membuat sebarang penyiasatan di pihaknya tentang identiti orang yang memasukkan butiran ke dalam cadangan



dalam talian, untuk menganggap orang yang telah memasukkan butiran ke dalam cadangan sebagai pencadang dan bergantung kepada butiran yang dimasukkan di dalamnya untuk mengeluarkan polisi untuk pencadang.

## **PENGGUNAAN PAUTAN**

1. Pautan daripada atau kepada laman web yang berada di luar laman web ini disediakan untuk kesenangan sahaja. Laman web yang mempunyai pautan tersebut dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga dan bukan di bawah kawalan RHBI. Oleh yang demikian RHBI tidak bertanggungjawab dan tidak membuat jaminan berhubung dengan kandungan laman web tersebut, pihak ketiga yang dinamakan di dalamnya atau produk dan perkhidmatan masing-masing.
2. Tambahan lagi, pautan yang disediakan di laman web ini hendaklah tidak dianggap sebagai pengiktirafan atau pengesahan atau kelulusan terhadap laman web yang dipaut atau kandungan di dalamnya. Pautan kepada mana-mana laman web lain adalah atas risiko anda sendiri dan RHBI tidak bertanggungjawab mahupun menanggung liabiliti bagi sebarang kerosakan berhubung dengan pautan tersebut. Anda dinasihatkan supaya membaca kenyataan dasar privasi (jika ada) bagi mana-mana laman web yang mempunyai pautan kepada laman web ini.

## **HAK CIPTA**

1. Melainkan dinyatakan selainnya, hak cipta laman web ini dan kandungannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, imej, grafik, fail bunyi, fail animasi, fail video dan susunan aturnya adalah hak milik RHBI, dan dilindungi oleh undang-undang hak cipta antarabangsa. Tiada bahagian laman web ini boleh diubahsuai, disalin, diedarkan, disebar, disiarkan, dipaparkan, dipersembahkan, dihasilkan semula, diterbitkan, dilesenkan, dipindahkan, dijual atau diuruskan secara komersial dalam apa jua cara tanpa persetujuan bertulis RHBI terlebih dahulu.
2. Anda juga tidak dibenarkan, tanpa persetujuan bertulis RHBI terlebih dahulu, untuk memasukkan pautan ke laman web ini pada mana-mana laman web lain, atau merangka atau "memaparkan" sebarang bahan yang terkandung di laman web ini pada mana-mana pelayan lain.

3. Sebarang penghasilan semula, penyebaran semula atau salinan atau pengubahsuaian lain yang tidak dibenarkan bagi mana-mana kandungan laman web RHBI yang mungkin melanggar hak berkanun atau *common law* boleh dikenakan tindakan undang-undang.
4. RHBI menolak semua liabiliti yang mungkin timbul daripada penghasilan semula atau penggunaan tidak sah kandungan laman web RHBI ini.

## **TANDA DAGANGAN**

1. Semua tanda dagangan, tanda perkhidmatan dan logo yang dipaparkan di laman web ini adalah hak milik RHBI dan/atau pemilik pihak ketiga berkenaan seperti yang dikenal pasti di laman web.
2. Melainkan persetujuan bertulis RHBI atau pemilik pihak ketiga yang berkenaan mana-mana tanda dagangan, tanda perkhidmatan atau logo yang muncul telah diperolehi terlebih dahulu, tiada lesen atau hak diberikan kepada mana-mana pihak yang mengunjungi laman web ini untuk menggunakan, memuat turun, menghasilkan semula, menyalin atau menukar tanda dagangan, tanda perkhidmatan atau logo tersebut. Dalam pada itu, melainkan persetujuan bertulis RHBI atau pemilik yang berkenaan telah diperolehi terlebih dahulu, tiada tanda dagang, tanda perkhidmatan atau logo tersebut boleh digunakan sebagai pautan atau untuk menandakan sebarang pautan kepada laman web RHBI atau mana-mana laman web lain.

## **INDEMNITI**

1. Anda faham bahawa anda bertanggungjawab secara peribadi terhadap penggunaan dan akses kepada laman web dan/atau perkhidmatan insurans yang disediakan di dalam ini. Anda dengan ini memberikan persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk menanggung kerugian dan terus menanggung kerugian RHBI daripada semua liabiliti, tuntutan, kerugian dan perbelanjaan, termasuk yuran guaman yang mungkin ditanggung oleh RHBI berhubung dengan atau yang timbul daripada
  - a) Penggunaan atau salah guna laman web dan perkhidmatan yang disediakan di dalam ini;
  - b) Anda melanggar terma dan syarat ini walau bagaimana anda melakukannya;
  - c) Sebarang pelanggaran hak milik intelektual atau hak proprietari oleh pihak ketiga terhadap RHBI berhubung dengan penggunaan laman web ini, atau sebarang tindakan tidak sah, tidak bermoral dan/atau cuai, kesilapan atau ketinggalan menerusi Laman web (termasuk tetapi tidak terhad kepada jenayah komputer, penipuan, helah atau fitnah) dan/atau kegagalan anda untuk mematuhi undang-undang dan/atau peraturan yang

diguna pakai. Peruntukan ini dikuatkuasakan sejauh dan setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang.

#### **PENAMATAN**

1. RHBI berhak untuk menamatkan dan/atau menggantung akses anda kepada laman web ini dan/atau penggunaan laman web ini oleh anda pada bila-bila masa, untuk apa jua sebab. Secara khususnya, dan tanpa had, RHBI boleh menamatkan dan/atau menggantung akses anda sekiranya anda melanggar mana-mana terma dan syarat ini atau melanggar hak RHBI atau mana-mana pengguna lain atau pihak ketiga.

#### **UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA**

1. Terma dan syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia. Dengan mengunjungi laman web ini dan/atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh RHBI, anda dengan ini bersetuju dengan bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur, Malaysia dalam semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan laman web ini.
2. RHBI tidak membuat sebarang pernyataan bahawa bahan, maklumat, fungsi dan/atau perkhidmatan yang disediakan di laman web ini sesuai atau boleh digunakan untuk bidang kuasa selain daripada Malaysia.

#### **PENGECUALIAN LIABILITI**

1. RHBI dan/atau rakan-rakannya di dalam ini hendaklah dalam apa jua keadaan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan, walau bagaimana ia timbul dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau sebarang kaedah lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, ganti rugi langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, turutan atau punitif, atau kehilangan untung atau simpanan yang timbul daripada akses atau penggunaan atau kegagalan untuk mengunjungi atau menggunakan laman web ini (atau mana-mana pautan pihak ketiga kepada atau daripada laman web RHBI), kebergantungan kepada maklumat yang terkandung dalam laman web, sebarang bentuk kegagalan teknikal, perkakas atau perisian, gangguan, kesilapan, ketinggalan, kelewatan operasi, virus komputer, atau selainnya. Fasal pengecualian ini berkuat kuasa sepenuhnya setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

## **RAMPAIAN**

1. Kegagalan RHB Insurance Berhad untuk melaksanakan atau menguatkuasakan sebarang hak atau peruntukan terma dan syarat ini tidak dianggap sebagai penepian hak atau peruntukan tersebut. Jika mana-mana terma dan syarat ini ditetapkan sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan berasaskan undang-undang yang diguna pakai, manakala peruntukan yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan ini akan diatasi oleh peruntukan sah dan boleh dikuatkuasakan yang paling hampir dengan tujuan peruntukan asal dan peruntukan lain terma dan syarat ini akan terus berkuat kuasa secara sepenuhnya.
2. Semua hak yang tidak diberikan dengan nyata di dalam ini adalah terpelihara.

## **BUKTI**

1. Rekod RHBI tentang semua dan sebarang komunikasi oleh anda semasa atau menurut penggunaan dan akses laman web dan/atau sebarang perkhidmatan yang terkandung di dalam ini dalam apa jua bentuk atau media (termasuk media penyimpanan maklumat elektronik) hendaklah menjadi bukti muktamad mengenainya. Sebarang dan semua komunikasi yang dihantar menerusi laman web menurut peruntukan di dalam ini hendaklah dianggap sebagai sah, tepat, sah, dan mempunyai kesan yang sama seperti sesuatu dokumen yang ditandatangani.

## **DASAR ANTI-SPAM**

1. RHBI tidak akan membenarkan pelaku spam untuk beroperasi dalam pelayannya. Apabila menggunakan maklumat dan bahan yang disediakan di laman web ini, anda bersetuju untuk tidak menghantar e-mel pukal tidak dikehendaki yang mengandungi mesej komersial kepada pengguna lain laman web ini atau orang ramai dan hendaklah tidak mengganggu, menggugat, mengancam atau menyalahgunakan; atau memaparkan atau mengedarkan sebarang maklumat atau bahan yang lucah, berunsur kebencian, atau perkauman yang menyinggung perasaan.

## **NOTIS PENTING MENGENAI JUALAN DALAM TALIAN**

1. Apabila anda telah mengemukakan cadangan dan butiran pembayaran anda kepada RHBI menerusi kemudahan dalam talian ini, dan RHBI menerima cadangan anda dan menerima premium bagi polisi, anda dianggap telah membeli polisi. Cadangan dalam talian ini tidak

memerlukan tandatangan anda dan ketiadaan tandatangan tidak akan menjejaskan kesahihannya.

2. Instrumen pembayaran yang kami terima untuk transaksi dalam talian termasuk:
  - a) Pembayaran Kad Kredit Dalam Talian (Visa / MasterCard). Jumlah sumbangan bagi sijil insurans akan didebitkan secara langsung ke dalam akaun kad kredit selepas kelulusan daripada bank pengeluar dan pedagang.
  - b) Penghantaran sijil insurans ini akan dibuat kepada anda ke alamat e-mel yang telah anda nyatakan di dalam borang cadangan selepas pembayaran pada tarikh penerimaan sumbangan anda.

- Tamat -